

HARIAN METRO

TARIKH....07...JAN.2021...

Hulu Terengganu: Jalan Kuala Jeneris-Kenyir-Aring 8 yang sering menjadi laluan orang ramai dari Terengganu ke Gua Musang, Kelantan dan Cameron Highlands, Pahang ditutup kepada semua kenderaan bermula semalam.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Hulu Terengganu dalam satu kenyataan memaklumkan, penutupan jalan di Kilometer (KM) 74.8 hingga KM75 itu sebagai langkah berjaga-jaga berikutan kejadian mendapan yang berisiko menyebabkan tanah runtuh di kawasan berkenaan.

Tutup jalan mendap elak tanah runtuh

Hm 1158 31/2021

Jurutera JKR Daerah Alif Zuwairi Baharuddin berkata, penutupan itu membatkan laluan sepanjang 200 meter dan dibuka semula pada satu tarikh ditetapkan kelak.

"Papan tanda amaran dipasang untuk panduan pengguna jalan raya. Orang ramai boleh

menggunakan laluan alternatif Jalan Kota Bharu-Gua Musang untuk ke destinasi masing-masing.

"Orang ramai boleh menghubungi pejabat JKR Daerah Hulu Terengganu,

di talian 09-6811900 atau faks

09-6811896 untuk maklumat lanjut," katanya.

-Bernama

**Penutupan
membabitkan laluan
sepanjang 200 meter**